

# Peruntukan tambahan RM200j dilulus segera perkasa TVET

Inisiatif kerajaan galak institusi tingkat program latihan seiring keperluan semasa pihak industri

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Banting:** Kerajaan meluluskan peruntukan segera RM200 juta untuk memperkasa dan meningkatkan penyertaan belia dalam bidang industri berimpak tinggi menerusi program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Mengumumkan pada majlis sambutan Hari TVET Negara di Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat di sini, semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata peruntukan tambahan itu akan disalurkan melalui Perbadanan Tabung Kemahiran Negara, selain Majlis TVET Negara yang bertanggungjawab menentukan bidang keutamaannya.

Ia adalah tambahan kepada peruntukan bernilai RM6.8 bilion yang diumumkan Anwar dalam Belanjawan 2024 dibentangkan tahun lalu.

Menurut Perdana Menteri, antara lain peruntukan tambahan itu bertujuan menggalakkan institusi TVET membangun dan memperkasa program latihan seiring keperluan semasa industri.

Ia akan membiayai pelajar yang mengikuti program TVET bagi bidang berkaitan industri berasaskan peralihan tenaga, berasaskan teknologi dan digital, elektrik



Anwar menunjukkan Buku Dasar TVET Negara 2030 selepas merasmikan Hari TVET Negara 2024 di Kuala Langat semalam. Turut hadir Ahmad Zahid, Steven Sim; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali (kiri) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim (kanan). (Foto BERNAMA)

dan elektronik bernilai tinggi, pertanian dan industri asas tani serta industri nadir bumi.

"Keutamaan kita adalah dalam bidang industri berimpak tinggi seperti kenderaan Elektrik (EV); keselamatan siber; kecerdasan buatan (AI), bahan termaju, teknologi elektronik dengan tumpuan kepada reka bentuk litar bersepadu, kejuruteraan dan fabrikasi wafer; mekanisasi ladang serta automasi pertanian dan penternakan.

"Pembiayaan dalam bidang ini akan menggalakkan institusi TVET membangunkan program latihan, selari hasrat kerajaan untuk memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) serta Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP).

"Ini juga akan mewujudkan peluang pekerjaan berimpak tinggi selari keperluan Revolusi Industri 4.0, perubahan iklim dan amalan keselamatan, anjakan de-

mografi dan globalisasi rantaian nilai yang akan mengubah sifat pekerjaan serta pastinya memerlukan lebih ramai tenaga kerja mahir," katanya.

Perdana Menteri turut melancarkan Dasar TVET Negara 2030 yang akan menjadi garis panduan komprehensif untuk pelaksanaan TVET di Malaysia, dengan tumpuan utama untuk melahirkan pekerja berkemahiran dengan pendapatan tinggi.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis TVET Negara, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Anwar menegaskan, institusi TVET negara perlu melakukan anjakan segera bagi melonjakkan bi-

dang kemahiran itu ke tahap lebih tinggi, seiring peruntukan besar yang disediakan dan tumpuan khusus yang diberikan kerajaan terhadap pendidikan TVET.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, peruntukan yang disediakan kerajaan adalah antara yang tertinggi dalam sejarah bidang pendidikan TVET dan ia seharusnya meletakkan bidang itu ditahap tertinggi, seperti negara maju lain.

"Kenapa kita terus bagi penekanan kepada pendidikan TVET? Antara sebabnya ialah negara memperoleh pelaburan atau FDI tinggi, yang pastinya pelabur memerlukan tenaga kerja mahir bagi pengoperasian syarikat mereka di sini.

Justeru, beliau menggesa golongan muda melanjutkan pengajian dalam bidang TVET memandangkan negara ketika ini muncul antara lokasi penting bagi pelaburan, terutama sektor semikonduktor.

Katanya, Jerman serta bebe-

rapa negara di Eropah, Amerika Syarikat dan China adalah negara yang mengimport cip dari Malaysia.

"Sebanyak 25 peratus daripada keperluan cip di AS diimport dari Malaysia. Sayap pesawat Boeing dan Airbus juga disiapkan pelatoh TVET Malaysia.

Anwar menambah, TVET mampu diperluaskan menerusi peruntukan lebih besar jika kegiatan rasuah dan salah urus tadbir yang mengakibatkan ketirisan ratusan juta ringgit dapat dihentikan.

"Kalau gerakkan sekarang (kerjasama semua pihak) dengan pelaburan yang masuk, kestabilan politik serta tindakan berani dan kita hentikan kerja-kerja 'sakau', beli barang TVET harga RM40 juta, sakau RM5 juta, nak buat projek tebatan banjir harga RM1 bilion, sakau RM200 juta.

"Khianat ini mesti dihentikan supaya kita dapat pulangkan wang kepada rakyat," katanya.